

Headline	UiTM Kota Samarahan jalankan program NBME		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	20 Sep 2019	Color	Full Color
Section	EKONOMI	Circulation	37,981
Page No	27	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	475 cm <sup>2</sup>
Journalist	NUR AIN OTSMAN	AdValue	RM 4,426
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 13,278



# UiTM Kota Samarahan jalankan program NBME

.....  
**NUR AIN OTSMAN**

**KOTA SAMARAHAN:** Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kota Samarahan adalah institusi pertama di Sarawak dipilih oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) untuk Program 'New Breed Marketing Entrepreneur' (NBME).

NBME adalah 'reseller' atau ejen dorship yang mana pelajar akan dilantik atau memilih usahawan induk dan mendapatkan stok bekalan seterusnya menjalankan perniagaan secara nyata bagi pihak usahawan.

Pengarah FAMA Negeri Sarawak Dato Dr Mat Sani Hassan berkata, generasi muda perlu terlibat dalam bidang pertanian dan industri asas tani bermula dari sekarang agar pengeluaran makanan dalam negara akan berterusan dan dapat menampung keperluan rakyat pada masa hadapan.

"Untuk program ini, setiap transaksi jualan atau urusan akan dimasukkan ke dalam sistem Agrobazaar Online untuk dikemas kini dan dipantau sepanjang masa dan pelajar dapat menilai dan merasai sendiri cabaran dan imbuhan dunia

perniagaan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Pelancaran Program NBME di UiTM Kampus 2 Kota Samarahan, semalam.

Beliau inginkan landskap pembelajaran menerapkan nilai perniagaan terutama perniagaan dalam talian kepada pelajar dengan harapan mereka lebih bersedia menghadapi cabaran selepas bergraduasi.

"Untuk program NBME ini, ia bermula pada Julai 2018 melibatkan 25 Usahawan Online FAMA yang menghasilkan pelbagai produk.

"Pada peringkat awal, seramai 400 pelajar di Semanjung Malaysia telah dilatih sebagai pilot projek dalam program ini," ujarnya.

Jumlah jualan tahunan untuk NBME adalah RM1.3 juta bagi seluruh Malaysia pada tahun lepas dan pada tahun ini, pihak FAMA membawa masuk program ini ke Sarawak dan berharap 100,000 jualan dengan 1,000 agen berdaftar di negeri ini.

"Saya ingin menyarankan agar para pelajar menyertai Kelab MyAgrosis dan program NBME ini, menimba sebanyak mungkin ilmu pengetahuan dalam bidang



**DATO** Dr Mat Sani Hassan serta Jati Kasuma Ali merakamkan gambar bersama pelajar yang menghadiri Program NBME di UiTM Kota Samarahan, semalam.

pemasaran pertanian dan industri asas tani dan menjadikan bidang ini sebagai kerjaya masa hadapan.

"FAMA memberi peluang kepada pelajar untuk menjual 13,000 produk milik FAMA dan mereka boleh mendapatkan komisen daripada jualan tersebut," jelasnya.

Beliau turut yakin ramai pelajar berniaga secara dalam talian untuk mencari pendapatan sampingan dengan menjual produk orang lain atau barangan dihasilkan sendiri, justeru inilah masanya bagi menambahkan pe-

ngetahuan dan perlu dimanfaatkan bantuan ini sepenuhnya.

"Platform diwujudkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dan FAMA melalui portal Agrobazaar Online, merupakan platform untuk generasi muda melibatkan diri dalam bidang pemasaran produk pertanian dan industri asas tani secara dalam talian seiring dengan peredaran zaman," katanya.

Turut hadir, wakil Rektor UiTM Sarawak Jati Kasuma Ali.



**DATO** Dr Mat Sani Hassan serta Jati Kasuma Ali bersalaman tanda setuju usaha sama dilakukan antara FAMA dan UiTM untuk Program NBME di UiTM Kota Samarahan.